

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)
Sent: Wednesday, August 16, 2017 12:32 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Prof. Madya. Dr. Mazlan bin Ismail; Dr. Noor Azimin Binti Zainol
Subject: BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK DAN TEAMBUILDING GHAZALI SHAFIE GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT (GSGSG)



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia

16 OGOS 2017 / 23 ZULKAEDAH 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Good Day,



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK DAN *TEAMBUILDING* GHAZALI SHAFIE GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT (GSGSG)

CENANG, LANGKAWI - Seramai 38 orang kakitangan pentadbiran dan akademik GSGSG telah menyertai Bengkel Perancangan Strategik dan *Teambuilding* Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) di Nadias Hotel Cenang, Langkawi, Kedah pada 3 hingga 5 Ogos 2017.

Bernaungkan di bawah pengurusan GSGSG, terdapat tiga (3) unit Institut Penyelidikan iaitu UUM *Research Institute for Indonesia, Thailand and Singapore (UUM-ITS)*, *Institute of Excellence for Islamic Jerusalem Studies (IEIJS)*, *Institute of Malaysian Political Analysis (MAPAN)* dan satu (1) unit Latihan Eksekutif, *Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP)* yang juga merupakan institut SCOE universiti yang terlibat di dalam bengkel tersebut.

Para peserta adalah terdiri daripada staf pentadbiran GSGSG, diketuai oleh Dekan, Timbalan Dekan, Penolong Pendaftar, Pegawai Penyelidik dan di kalangan pensyarah yang masing-masing memegang jawatan Pengarah institut, Felo-felo Institut yang dilantik pada awal tahun 2017. Sesi bengkel ini telah dimulai oleh Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Abdullah, Dekan GSGSG dengan menerangkan penubuhan, objektif dan peranan GSGSG dalam memacu pentadbiran bagi tahun

2017 sehingga 2019. Beliau juga menekankan pentingnya semua warga GSGSG untuk bekerjasama dan bergerak seiring untuk mencapai semua KPI yang telah ditetapkan. Pengarah GSEEP, Dr. Noor Azimin Zainol memainkan peranan utama bagi menjayakan bengkel ini agar semua kalangan peserta bukan sahaja diberi input secara ilmiah tetapi disulami dengan modul-modul fizikal dan rekreasi bagi membentuk semangat kerja berpasukan dan jati diri yang terbaik dalam menjalankan tugas.

Aktiviti *teambuilding* dijalankan pada hari kedua program daripada jurulatih yang berkeelayakan. Salah satu slot program *teambuilding* adalah latihan daripada *Resident Manager*, Adya Hotel Langkawi Encik Wan Mohd. Fadzil Wan Kamarulzaman. Pengisian latihan yang diberikan sangat ringkas dan padat dalam tatacara terbaik dalam urusan perkhidmatan bersama pelanggan.

Program ini diadakan juga bagi menentukan halatuju dan pelan strategik setiap institut dalam mencapai KPI universiti dan membawa nama Universiti Utara Malaysia dalam bidang penyelidikan. Felo-felo penyelidik masing-masing memberi kerjasama dalam mendapatkan penyelidikan FGRS yang telah ditetapkan.

Penutup program ini adalah sesi pembentangan hasil perbincangan bersama setiap unit yang telah ditetapkan. Turut hadir, Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee bin Abdullah, Pengarah Unit Perkhidmatan & Sokongan Pelajar UUM merangkap sebagai Felo Penyelidik MAPAN, Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar, Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni UUM COLGIS, Dr. Mohamad Zaki Ahmad, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa merangkap Felo Penyelidik ITS dan Dr. Mohd Farihal bin Osman, Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam COB dan semua penyelaras program pascasiswazah UUM COLGIS dan peserta yang lain.

Terima kasih

Ghazali Shafie Graduate School of Government

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049287751| Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my

Website : gsgsg.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.